

LEGAL ANALYSIS AND FEASIBILITY OF TEMPORARY WAQF IN NEGERI SEMBILAN

ANALISIS HUKUM DAN FISIBILITI WAKAF MUAQQAT DI NEGERI SEMBILAN

MUHAMAD FIRDAUS AB RAHMAN*

Fakulti Syariah dan Undang-Undang; Maslahah Centre for Social Finance & Well-Being, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan
mfirdaus.rahman@usim.edu.my

HUSSEIN AZEEMI ABDULLAH THAIDI

Fakulti Syariah dan Undang-Undang; Maslahah Centre for Social Finance & Well-Being, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan
hussein@usim.edu.my

ZAMEER NAJMI AZHAR

Fakulti Syariah dan Undang-Undang; Maslahah Centre for Social Finance & Well-Being, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan
zameernajmi@gmail.com

*Corresponding author: mfirdaus.rahman@usim.edu.my

A PEER-REVIEWED ARTICLE

(RECEIVED – 8/1/2025: REVISED – 22/4/2025: ACCEPTED – 8/5/2025)

ABSTRACT

The institution of waqf has been implemented since the era of the Prophet SAW, as evidenced by the conduct of his companions and Muslims to the present day. Legislation concerning Islamic religious matters in Malaysia encompasses waqf, which is informed by the perspectives of the four schools

of thought: Hanafi, Maliki, Syafii, and Hanbali. This indicates that waqf is exclusively valid for perpetual application, encompassing all forms of waqf. Thus, the traditional mechanism has greatly impacted the management and creation of new growth opportunities in economic development. This study aims to promote the waqf muaqqat as an alternative funding source for the future growth of waqf assets in Negeri Sembilan. This study employed qualitative methodologies and doctrinal research. The material for this study was acquired via document review techniques from primary and secondary sources and analysed using content analysis methods including both inductive and deductive approaches. The findings indicate that temporary waqf is permissible according to the Maliki school and certain scholars of the Hanafi school, while also enhancing the productivity of existing waqf assets and systematically expanding its benefits in a more sustainable manner. The study proposed that the Department of Waqf and General Resources (JWSA), Negeri Sembilan Religious Council (MAINS), and the Negeri Sembilan Fatwa Committee evaluate the legal framework and fatwas pertaining to current waqf matters to facilitate temporary waqf as a strategic measure for the preservation of waqf asset development in Negeri Sembilan.

Keywords: Waqf Muaqqat, law, legislation, Negeri Sembilan

ABSTRAK

Amalan wakaf telah diaplikasikan sejak dari zaman Rasulullah SAW dan dapat dilihat melalui perbuatan para sahabat serta umat Islam sehingga ke hari ini. Perundangan yang berkaitan dengan hal ehwal agama Islam di Malaysia termasuklah wakaf berpandukan kepada pandangan mazhab yang empat; Hanafi, Maliki, Syafii dan Hanbali, yang memberi maksud wakaf hanya sah dilaksanakan secara kekal meliputi semua jenis wakaf. Hal ini telah memberi kesan kepada pengurusan pembangunan aset wakaf di masa akan datang. Justeru, kajian ini dijalankan bagi memperkenalkan mekanisme bertempoh “muaqqat” diadaptasi dalam pengurusan wakaf sebagai salah satu sumber dana alternatif dalam pembangunan masa depan harta wakaf di Negeri Sembilan. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah Analisis Kandungan (*Content Analysis (CA)*). Data dianalisis menggunakan kaedah CA secara diskriptif, deduktif dan induktif dengan konsisten. Kaedah kepustakaan dan dokumentasi digunakan bagi mendapatkan elemen sokongan untuk

memantapkan proses analisis hukum dan perundangan wakaf bertempoh, serta penderaan model perlaksannya. Kajian ini turut disokong oleh kaedah analitikal yang akan digunakan untuk menganalisis dalil al-quran, sunnah dan pandangan sarjana Islam bagi mencapai konklusi yang jitu terhadap elemen wakaf bertempoh yang praktikal menurut konteks perlaksanaan wakaf di Malaysia. Hasil kajian mendapati wakaf bertempoh dibolehkan menurut pandangan mazhab Maliki dan sebahagian ulama mazhab Hanafi, sekaligus mampu meningkatkan produktiviti aset wakaf yang sedia ada serta dapat mengembangkan manfaatnya dengan sistematik dan lebih berdaya maju. Pengkaji menyarankan agar pihak Jabatan Wakaf dan Sumber Am (JWSA), Majlis Agama Negeri Sembilan (MAINS), dan Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan menyemak semula kerangka undang-undang dan fatwa yang berkaitan dengan hal ehwal wakaf sedia ada, agar dapat dilaksanakan secara bertempoh sebagai usaha alternatif untuk melestarikan pembangunan aset wakaf di Negeri Sembilan.

Kata Kunci: Wakaf Muaqqat, hukum, perundangan, Negeri Sembilan

1. PENDAHULUAN

Islam sebagai al-Din berfungsi menegakkan sistem sosial ummah, baik dari aspek individu, kekeluargaan, kemasyarakatan, kenegaraan dan keantarabangsaan. Sifatnya yang menyeluruh itu menjadikan seluruh sistem kehukuman di dalam Islam memenuhi aspek zaman dan keperluan kehidupan sama ada pembangunan individu, sosial, ekonomi, politik, intelektual dan lain-lain.

Peredaran zaman telah menghasilkan satu dimensi baru dalam dunia perwakafan. Wakaf bertempoh (*muaqqat*) telah dipopularkan oleh ulama kontemporari disebabkan kesulitan bagi menguruskan harta dan aset wakaf yang bersifat tak alih. Walaubagaimanapun, konsep bertempoh telah menjadi polemik dan perbahasan panjang di kalangan sarjana dan agamawan oleh kerana wakaf yang terikat dengan suatu tempoh tertentu jelas bertentangan dengan konsep dan syarat asas dalam wakaf iaitu tiada unsur berkekalan (*muabbad*). (Ab Rahman & Amanullah, 2016a).

Implikasinya wujud persoalan, adakah wakaf bertempoh ini sah menurut syarak? Dalam konteks Negeri Sembilan, wakaf dilihat sebagai salah satu agen pembangunan kewangan sosial Islam yang berkesan. Bukti kerajaan Negeri Sembilan memandang serius dengan perundangan wakaf di negeri ini sehingga wartanya salah satu enakmen khas wakaf terawal di Malaysia.

Wakaf bertempoh dipercayai memiliki prospek dari sudut keanjalan (*flexibility*) untuk dibangunkan. Elemen ‘bertempoh’ yang membolehkan aset/harta wakaf ditukar jenis atau dipulangkan kepada pewakaf dipercayai boleh menarik lebih ramai pewakaf. Sehingga kini, Hanya Johor yang secara memperuntukkan perlaksanaan wakaf bertempoh secara jelas melalui Kaedah-Kaedah Wakaf Johor 1983. (Ab Rahman & Amanullah, 2016b). Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Selangor, Perak, Terengganu dan Pulau Pinang menunjukkan reaksi positif dan minat terhadap manfaat wakaf bertempoh. Walaupun negeri-negeri lain belum ada peruntukan yang mengharuskan pelaksanaan wakaf bertempoh, namun masih wujud ruang-ruang perundangan untuk melaksanakannya. Sungguhpun instrumen ini mempunyai prospek dan maslahah yang besar kepada masyarakat dan pewakaf itu sendiri. Namun amat sukar untuk menjumpai model tadbir urus perlaksanaan wakaf bertempoh di Malaysia. Polemik ini berlaku kerana tiada model atau kerangka kerja yang dicadangkan oleh mana-mana institusi untuk membangunkan potensi wakaf bertempoh sebagai wadah pendanaan yang efektif bagi memaksimumkan mobilisasi aset wakaf Malaysia.

Definisi Wakaf Bertempoh (Muaqqat)

Asasnya wakaf bertempoh adalah sebahagian daripada wakaf. Wakaf bertempoh juga dikenali sebagai wakaf *muaqqat*, wakaf sementara, wakaf berwaktu, dan wakaf berjangka oleh sebahagian masyarakat. Maka, wakaf boleh diertikan dari sudut bahasa sebagai menghalang (*al-man'u*) menahan (*al-habsu*) (al-Jurjani, 1983). Dimaksudkan dengan menahan disini ialah menahan sesuatu di jalan Allah, iaitu mengekalkan asalnya dan dijadikan hasilnya untuk jalan Allah (al-Fairuzabadi, 2005).

Adapun wakaf dari segi istilah menurut al-Jurjani (1983) di dalam kitabnya *Tarifat* ialah menahan zat sesuatu daripada pemilikan pewakaf dan

sedekahkan manfaatnya. Imam Ibnu Hajar al-Haitami (1983) di dalam *Tuhfah al-Muhtaj fi Syarhi al-Minhaj* telah mendefinisikan wakaf dengan menahan suatu harta yang bermanfaat selama mana zatnya dikekalkan dengan cara diputuskan hak pemilikan tuannya ke atas harta tersebut untuk kebaikan dan kepentingan yang diharuskan.

Selain itu, al-Zuhaily (2011) di dalam kitab *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu* telah mendatangkan tiga definisi wakaf yang berbeza menurut mazhab-mazhab fiqh. Antaranya, pengertian wakaf menurut majoriti ulama, Abu Hanifah dan mazhab Maliki. Majoriti ulama fiqh (mazhab Syafii, mazhab Hanbali dan beberapa murid Abu Hanifah) berpendapat wakaf ialah menahan harta yang bermanfaat disamping mengekalkan zatnya dan memutuskan hak pemilikan pewakaf bagi tujuan kebaikan dan kebaikan demi mendekatkan diri kepada Allah. Ini bermaksud wakaf telah menyebabkan berpindahnya hak pemilikan *mauquf* daripada pewakaf kepada hak milik Allah. Dapat difahami disini, wakaf itu sifatnya kekal selama-lamanya (*muabbad*) dan tidak dibenarkan bersifat sementara atau bertempoh. (Ab Rahman & Amanullah, 2017a).

Adapun, menurut Abu Hanifah (pendiri mazhab Hanafi), wakaf diertikan sebagai menahan suatu harta dari kekuasaan pemilikan pewakaf dan sedekahkan manfaatnya bagi tujuan kebaikan. Maksudnya, wakaf tidak memberi kesan terhadap hilangnya pemilikan harta yang diwakafkan (*mauquf*) ke atas pewakaf, bahkan pewakaf masih boleh membatalkan wakaf tersebut dan menjualkannya. Maka, pengkaji dapat memahami dari definisi ini, bahawa suatu wakaf itu tidak semestinya bersifat kekal selama-lamanya (*muabbad*), bahkan hak wakaf itu boleh ditarik semula oleh pewakaf dan ianya disebut dengan sementara ataupun bertempoh.

Adapun menurut pendapat ketiga, mazhab Maliki, wakaf ialah ketika mana pewakaf menjadikan hasil dari harta yang dia miliki sama ada harta yang dimiliki dengan cara sewaan atau pajakan sekalipun, dan sedekahkan kepada orang yang berhak dengan suatu akad (*sighah*) untuk suatu tempoh yang dipertimbangkan oleh pewakaf. Ertinya wakaf tidak disyaratkan untuk selamanya (*muabbad*), bahkan ia hanya memutuskan hak pengendalian ke atas *mauquf* bukannya hak pemilikan. Menurut al-Zuhaily (2011), dalil dan hujah dari pendapat ketiga (mazhab Maliki) lebih terperinci dan kuat, namun definisi dari majoriti ulama fiqh lebih masyhur di kalangan masyarakat.

Hasilnya, pengkaji telah memilih pendapat ketiga (mazhab Maliki) sebagai asas dan dasar dalam mendefinisikan wakaf bertempoh kerana ianya lebih jelas dan mempunyai autoriti dalam bidang fiqh. Maka, wakaf bertempoh boleh diertikan sebagai suatu bentuk pemberian harta dengan cara mengekalkan zatnya dan menghasilkan suatu manfaat yang boleh disalurkan kepada orang ramai bertujuan kebajikan dan mendekatkan diri kepada Allah dengan suatu tempoh masa yang ditentukan oleh pewakaf.

Rukun Wakaf

Terbina sesuatu syariat itu atas beberapa rukun. Wakaf tidak terkecuali daripada binaan rukun yang digariskan *syari'* bagi mengesahkannya dan diaplikasikan. Rukun wakaf terbahagi kepada empat iaitu pewakaf (*waqif*), penerima wakaf (*mauquf 'alaiah*), harta yang diwakaf (*mauquf*) dan akad (*sighah*) (Al-Syirbini, 1994). Maka, bagi setiap rukun itu mempunyai syaratnya yang tersendiri bagi mengesahkan sesuatu wakaf itu.

Rukun yang pertama ialah pewakaf (*waqif*). Disyaratkan oleh ulama fiqh bahawa seorang pewakaf itu mestilah seorang yang merdeka, baligh dan berakal. Maka dapat difahami disini, wakaf yang dilakukan oleh seorang hamba, kanak-kanak dan orang gila adalah tidak sah (Mustafa Khin et al, 2011). Selain itu, menurut pengarang *Fiqh al-Manhaji*, wakaf dianggap sah sekiranya ianya adalah pilihan pewakaf sendiri, bukannya paksaan daripada sesiapa.

Menurut An-Nawawi (2011), disyaratkan bagi penerima wakaf rukun kedua, (*mauquf 'alaiah*) iaitu seorang yang mampu memiliki harta (sekiranya wakaf khas seperti wakaf kepada individu tertentu) dan bukannya bertujuan maksiat (sekiranya wakaf umum seperti wakaf kepada fakir miskin dan masjid).

Manakala syarat bagi harta yang diwakafkan (*mauquf*) pula mestilah sesuatu yang boleh memberi manfaat sama ada harta tak alih (harta yang tidak boleh dipindah atau diubah seperti bangunan dan ladang) ataupun harta alih (harta yang boleh dipindah dan diubah bentuk serta keadaannya seperti wang ringgit) (Al-Qalyubi & Umairah, 2009).

Rukun yang keempat, akad (*sighah*) iaitu suatu lafaz yang menunjukkan kepada wakaf dengan jelas ataupun kiasan dan mestilah terdiri daripada dua elemen penting iaitu *ijab* dan *qabul* (Al-Baijuri, 2015). Imam Baijuri telah meletakkan syarat bahawa *sighah* wakaf itu tidaklah bersifat bertempoh dan mestilah bersifat kekal. Tetapi jika *sighah* wakaf itu berbentuk “*Aku mewakafkan harta ini kepada Zaid selama setahun kemudian akan berpindah kepada golongan fakir miskin setelah itu*”, maka ianya sah kerana *sighah* itu bukan diikat dengan suatu tempoh semata-mata akan tetapi diperpanjangkan kepada golongan fakir miskin setelah itu.

Adapun begitu, ulama telah berselisih dalam meletakkan *qabul* sebagai syarat sah wakaf. Al-Hisni (t.t) telah menulis di dalam kitabnya *Kifayah al-Akhyar fi Hilli Ghayah al-Ikhtisar* bahawa *qabul* disyaratkan sekiranya wakaf dibuat kepada individu atau jemaah khusus. Adapun jika diwakafkan kepada umum seperti golongan fakir miskin dan masjid, maka tidak disyaratkan *qabul* bagi pihak penerima wakaf kerana diserupakan dengan konsep pembebasan hamba menurut Imam Al-Mawardi.

Dalil Pensyariatan Wakaf

Setiap syariat dan ibadah telah didasari dengan hujah, sama ada dalil yang disepakati ataupun dalil yang tidak disepakati. Hal ini sesuai dengan kaedah usul fiqh “*Asal bagi sesuatu perkara adalah harus kecuali ada dalil yang mengharamkan*” (As-Suyuthi, 1983). Hakikatnya, wakaf telah lama dipraktikkan sejak tempoh penurunan syariat lagi. Berikut adalah dalil-dalil kepada pensyariatan wakaf menurut al-Quran dan hadis.

Firman Allah SWT di dalam Surah Ali-Imran ayat 92:

﴿لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّىٰ تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ﴾

Terjemahan: “Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya”.(Al-Quran. Ali-'Imran 3: 92)

Selepas penurunan ayat ini, ketika Saidina Abu Talhah mendengarnya, beliau terus berjumpa Rasulullah untuk mewakafkan kebunnya Bairuha', iaitu harta yang paling disayangi beliau (Al-Baijuri, 2015). Lalu Rasulullah memerintahkannya untuk mengagihkan hasil daripada tanah Bairuha' itu kepada saudara maranya.

Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ قَالَ: إِذَا مَاتَ ابْنُ آدَمَ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثٍ: صَدَقَةٌ جَارِيَّةٌ، أَوْ عِلْمٌ يُتَفَقَّدُ بِهِ، أَوْ وَلَدٌ صَالِحٌ يَدْعُ لَهُ.

Terjemahan: “Dari Abu Hurairah, bahawa Rasulullah S.A.W bersabda, “Apabila salah seorang manusia meninggal dunia, maka terputuslah segala amalannya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah (berpanjangan), ilmu yang bermanfaat baginya dan anak soleh yang sentiasa mendoakannya.” (Ṣahīḥ Muslim, Kitab Wasiyyah, Bab Ma Yulhaqu al-Insan min al- Thawab Ba’da Wafatih, Hadis no. 1631)

Daripada hadis ini, Imam Al-Hisni di dalam kitabnya *Kifayah al-Akhyar* menafsirkan “sedekah jariah” ini kepada wakaf (Al-Hisni, t.t). Ulama bersepakat mengatakan ungkapan “sedekah jariah” di dalam hadis ini merujuk kepada wakaf kerana pahala sedekah jariah akan mengalir berpanjangan seperti wakaf, sedangkan sedekah yang lain pahalanya tidak terus mengalir sehingga hari kiamat (Sulaiman et al., 2021).

Sabda Rasulullah SAW:

«عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: «قَدْ أَصَابَ عَمَرَ أَرْضًا بِخَيْرٍ. فَأَتَى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسْأَمِرُهُ فِيهَا. فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنِّي أَصَبَتُ أَرْضًا بِخَيْرٍ، لَمْ أَصِبْ مَا لَا قَطُّ هُوَ أَنْفُسُنِي مِنْهُ، فَمَا تَأْمُرُنِي بِهِ؟ فَقَالَ: إِنْ شِئْتَ حَبَسْتَ أَصْلَهَا، وَتَصَدَّقْتَ بِهَا. قَالَ: فَتَصَدَّقْتُ بِهَا، غَيْرُ أَنَّهُ لَا يُبَاعُ وَلَا يُوَهَّبُ وَلَا يُورَثُ». قَالَ: فَتَصَدَّقْتُ بِعُمْرِ الْفَقَرَاءِ، وَفِي الْقُرْبَى، وَفِي الرِّقَابِ،

وفي سبيل الله، وابن السبيل، والضيف. لا جناح على من ولها أن يأكل منها بالمعروف، أو يطعم صديقاً، غير مُتَمَوِّلٍ فيه».

Terjemahan: “Umar telah mendapat sebidang tanah di Khaibar kemudian dia datang menghadap Nabi Muhammad SAW untuk meminta pendapat berkenaan cara menguruskannya. Katanya: Wahai Rasulullah, saya telah mendapat sebidang tanah di Khaibar. Saya belum pernah memperolehi harta yang lebih baik daripada ini. Baginda bersabda: Jika kamu mahu, tahanlah tanah itu (wakafkanlah tanah itu) dan kamu sedekahkanlah manfaatnya. Lalu Umar mengeluarkan sedekah dari hasil tanah itu dengan syarat tanahnya tidak boleh dijual dan dibeli serta diwarisi atau dihadiahkan. Umar mengeluarkan sedekah hasilnya kepada fakir miskin, kaum kerabat dan untuk memerdekaan hamba, orang yang berjihad di jalan Allah serta untuk bekal orang yang sedang dalam perjalanan dan menjadi hidangan untuk tetamu. Orang yang menguruskannya boleh makan sebahagian hasilnya dengan cara yang baik dan boleh memberi makan kepada temannya dengan sekadarnya” (Şahih Bukhari, Kitab Al-Waṣyā. Bab Al-Waqf Kaifa Yuktab. Hadis no. 2532)

Menurut Mustafa Khin et al. (2011) hadis ini merupakan dalil utama perwakafan dan wakaf pertama yang dibuat di dalam Islam ialah amalan wakaf oleh Saidina Umar.

2. WAKAF BERTEMPOH MENURUT PERSPEKTIF SYARIAH

Menurut Syeikh Mustafa al-Zarqa di dalam kitabnya *Al-Ahkam Al-Awqaf*, beliau berpendapat dalil-dalil pensyariatan berkenaan wakaf agak terhad serta tidak terperinci dalam menjelaskan kaedah dan syarat-syarat telah menatijahkan sebahagian besar hukum-hukam dan garis panduan dalam wakaf termasuk dalam perkara ijtihad ulama (Sulaiman et al., 2021).

Ulama empat mazhab telah sepakat mengharuskan pengamalan wakaf secara kekal, akan tetapi terdapat perselisihan pendapat dalam keharusan dan keabsahan wakaf secara bertempoh (Ab Rahman, 2024a). Ringkasnya, mazhab Maliki dan sebahagian ulama mazhab Hanafi seperti Imam Abu

Yusuf telah membenarkan dan mengharuskan wakaf bertempoh, sedangkan mazhab Syafii dan Hanbali tidak membenarkan pengikutnya daripada pengamalan wakaf bertempoh. Kedua-dua kumpulan (yang membenarkan wakaf bertempoh dan yang tidak membenarkan wakaf bertempoh) telah mendatangkan hujah-hujah tersendiri dalam penetapan kepada pendirian mereka, seperti berikut:

i. Hujah Fuqaha yang Tidak Mengharuskan Wakaf Bertempoh

Mazhab Syafii dan mazhab Hanbali antara yang berpandangan bahawa wakaf bertempoh tidak dibenarkan menurut syarak. Imam Ahmad telah mensyaratkan pengekalan mutlak bagi wakaf dan dapat dilihat dalam *al-Mughni* bahawa tidak sah wakaf itu jika disyaratkan dijual bila dikehendaki, dihibahkan atau dipulangkan semula (bertempoh) harta wakaf itu kerana ianya akan menghilangkan objektif sebenar wakaf (Ibnu Qudamah, 1969). Apabila sesuatu harta telah diwakafkan, pemilikannya sudah berpindah daripada dirinya kepada hak pemilikan Allah. Maka, pewakaf sudah tidak mempunyai hak untuk mengelola dan menguruskan harta itu, bahkan penghasilan dan manfaat dari harta wakaf tersebut harus disedekahkan sesuai tujuan pewakaf tersebut (Al-Zuhaily, 2011).

Antara hujah mazhab Syafii yang tidak mengharuskan wakaf bertempoh ialah tidak sempurna syarat bagi rukun yang keempat (*sighah*) iaitu tidak dibatasi dengan waktu (عدم التأقيت). Hakikatnya, penolakan ulama mazhab Syafii terhadap wakaf bertempoh, sekiranya wakaf itu dibatasi dengan suatu masa semata-mata tanpa didatangkan dengan *qaid*, kerana tidak memenuhi syarat bagi rukun keempat (*sighah*) iaitu tidak bertempoh. Akan tetapi jika *sighah* wakaf yang dibatasi dengan suatu waktu dan diiringi dengan *qaid* seperti “setelah itu wakaf itu akan berpindah kepada golongan sekian”, maka hukumnya sah dan diharuskan (Al-Baijuri, 2015). Pengkaji merumuskan bahawa *sighah* wakaf itu rosak (tidak sah) sekiranya meletakkan tempoh waktu semata-mata tanpa mendatangkan *qaid*. Hal ini kerana akan menyebabkan terputusnya manfaat dan pahala pewakaf. Adapun jika *sighah* itu bertempoh dan disalurkan kepada golongan lain (yang sentiasa wujud

seperti fakir miskin) setelah tamat tempoh tersebut, maka hukumnya sah kerana berkekalan pahala dan manfaat wakaf selamanya.

Selain itu, mereka berhujah dengan hadis tentang wakaf Saidina Umar akan tanahnya di Khaibar (Şahih Bukhari. Hadis no. 2532). Hadis ini menunjukkan beberapa ungkapan yang menjadi dasar dalam pengertian wakaf seperti «جَبَسْتَ أَصْلَهَا» “tahanlah tanah itu”, «لَا يُبَاعُ وَلَا يُوَهَّبُ وَلَا يُورَثُ» “tidak boleh dijual beli, diwariskan dan dihadiahkan”. Ungkapan “tahanlah tanah itu” menunjukkan pengekalan wakaf, kerana apabila dibenarkan kembalinya wakaf kepada pewakaf, itu membawa kepada maksud yang bertentangan dengan “tahan”. Apabila disebut “tahan”, terkeluarlah makna dan konsep perbatasan waktu tertentu. Maka, arahan Rasulullah kepada Saidina Umar untuk menahan menunjukkan bahawa sedekah ini hanya dibenarkan dengan dikenalkan selagi masih ada dunia ini (Abu Zahrah, 2007). Ungkapan “tidak boleh dijual beli, diwariskan dan dihadiahkan” sangat jelas menunjukkan erti pengekalan. Jika pembatasan waktu dan suatu tempoh dibolehkan, maka akan membawa erti kaharusan untuk menjual, mewariskan dan menghadiahkan kepada orang lain. Segala perkataan yang Saidina Umar dalam hadis tersebut menunjukkan bahawa pengekalan merupakan bahagian dari pengertian wakaf kerana beliau tidak akan mengatakan perkara tersebut kecuali benar-benar memahami apa yang dimaksudkan oleh Rasullah iaitu pengekalan adalah bahagian dari pengertian ungkapan “tahan”.

Tindakan dan *athar* para sahabat dan tabiin ketika mewakafkan harta mereka juga menunjukkan kepada pengekalan harta wakaf dan tidak ada yang memahaminya dengan pembatasan waktu dan tempoh masa (Abu Zahrah, 2007) Tambahan pula, segala tindakan yang dilakukan umat Islam semenjak awal Islam sehingga sekarang telah menunjukkan bahawa pewakafan sesuatu harta adalah bertujuan kebaikan dan hilangnya hak untuk menguruskan dan mengelolanya, sama ada terhadap pewakaf ataupun orang lain (Al-Zuhaily, 2011). Jika pengertian wakaf dan perlaksanaannya yang dibentuk bertentangan dengan ungkapan hadis Saidina Umar, maka terdapat penyerangan terhadap syariat kerana telah melakukan sesuatu yang tidak datang dalilnya daripada *syari’*. Malah dalil yang ada menunjukkan *syari’* memerintahkan wakaf secara kekal dan inilah merupakan pengertian wakaf yang sebenar.

Selain itu, terdapat konsep pengguguran hak milik di dalam wakaf, sama seperti pengguguran hak milik dalam bab pembebasan hamba, jual beli dan hibah. Semua bentuk pengguguran hak milik ini tidak sah melainkan dibuat dengan mutlak iaitu tidak ditentukan tempoh had masa. Pembebasan hamba, segala transaksi jual beli dan pemberian hibah kepada seseorang tidak akan sah jika secara sementara. Begitu juga dengan wakaf yang mana tidak boleh secara sementara dan dibatasi suatu tempoh kerana tidak sempurna pengguguran hak pemilikan di situ, bahkan mesti dengan cara kekal selamanya.

ii. Hujah Fuqaha yang Mengharuskan Wakaf Bertempoh

Antara ulama terkemuka yang mengharuskan wakaf bertempoh ialah Imam Malik (pendiri mazhab Maliki) yang terkenal dengan keilmuan dan ketegasannya dalam membela al-Quran dan hadis semasa hayatnya. Ulama mengharuskan wakaf secara bertempoh kerana memandang wakaf dari sudut makna dan tujuannya yang bermaksud sedekah. Sebagaimana dibolehkan memberikan harta dan sedekah secara kekal, begitu juga boleh memberikan harta dan sedekah secara sementara. Tidak ada dalil yang membolehkan sesuatu dan mencegah yang lainnya. Pensyariatan sedekah dan membelanjakan sesuatu di jalan Allah itu termaktub di dalam al-Quran dan telah ditetapkan oleh sunnah. Cumanya terdapat kelonggaran dalam bentuk perlaksanaan dan cara penggihannya ke jalan kebaikan.

Pelbagai cara dan kaedah untuk sedekahkan harta di jalan kebaikan, antaranya sedekahkan hasil daripada zat barang secara kekal disamping menahan pokoknya dari digunakan, memberikan semua zat barang kepada penerima secara kekal dan, ditahan zat barang secara sementara dan sedekahkan hasilnya secara sementara (Abu Zahrah, 2007). Kesemua cara ini termasuk dalam erti sedekah secara umumnya. Maka tidak boleh membezakan di antara kedua-duanya dengan mengatakan perkara ini boleh dan perkara ini tidak boleh. Sebagaimana di dalam hadis Saidina Umar yang membenarkan wakaf secara kekal, maka dapat difahami bahawa dibolehkan juga wakaf secara sementara. Hal ini kerana terdapat manfaat dan maksud wakaf dalam kedua-dua

jenis wakaf ini iaitu membelanjakan harta ke jalan kebaikan dan dapat mendekatkan diri kepada Allah.

Para ulama yang mengharuskan wakaf secara bertempoh ini juga berpegang dari sumber hadis Saidina Umar. Di dalam hadis tersebut, ketikamana Saidina Umar memberitahu keadaannya yang telah mendapat tanah di Khaibar, lalu Rasulullah bersabda “**إِنَّمَا يُحَرِّمُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ مَا أَنْهَا النَّاسُ أَيْمَانَهُمْ**” “Jika kamu muahu”. Maka ucapan Rasulullah ini adalah satu bentuk pilihan kepada Saidina Umar jika ingin berbuat sedemikian. Ungkapan ini bukanlah isyarat yang bererti membatasi penahanan atas satu bentuk dan bukan atas satu jalan (Abu Zahrah, 2007). Selain itu, ungkapan “tahanlah” di dalam hadis tersebut bukanlah bermaksud berkekalan dan selama-lamanya sahaja. Maksud penahanan boleh membawa kepada dua makna, iaitu berkekalan dan sementara.

Selain itu, ungkapan “tidak boleh dijual beli, diwariskan dan dihadiahkan” difahami dengan keharusan untuk bersedekah dengan hasil tanah tersebut. Dengan makna lain, pemilikan barang yang diwakafkan tetap menjadi tanggungjawab ke atas pewakaf dan larangan terhadap segala bentuk pengelolaan dan pengurusan kepada pewakaf dan orang lain. Menurut mereka, konsep ini sama dengan konsep pemilikan orang yang lemah akal untuk menguruskan harta miliknya (*mahjur 'alaih*). Kesamaan itu dapat dilihat ketika mana orang yang lemah akal ini tetap mempunyai pemilikan penuh terhadap hartanya, akan tetapi dihalangi untuk menjual, memberikan dan menghadiahkan kepada orang lain (Al-Zuhaily, 2011).

Kesimpulannya, kedua-dua pandangan di atas mempunyai dalil dan hujah yang tersendiri dalam memahami maksud wakaf dan perlaksanaannya. Pengkaji lebih cenderung untuk memilih pegangan pandangan kedua yang menbenarkan wakaf dilakukan secara bertempoh. Hal ini kerana pengkaji beranggapan sekiranya wakaf bertempoh dapat diaplikasikan di Negeri Sembilan, ianya dapat menarik minat masyarakat umum untuk turut serta menyumbang dan mewakafkan harta mereka mengikut kehendak dan keperluan individu disamping dapat meningkatkan penghasilan aset wakaf di Negeri Sembilan.

3. PENTADBIRAN DAN TADBIR URUS WAKAF DI NEGERI SEMBILAN

Pengaplikasian wakaf pada zaman kini telah didasari dengan sistem perundangan bagi memastikan kelancaran perlaksanaannya dalam sesebuah institusi. Hasilnya, sistem perundangan wakaf bagi negara Islam dan sistem perundangan *trust* di Inggeris telah diwujudkan bagi memastikan pengurusan harta wakaf dan harta amanah dapat diuruskan dengan baik. Walaupun terdapat perdebatan di kalangan sarjana Islam dan Barat berkenaan sistem ini, yang manakah terlebih dahulu wujud dan adakah kedua-dua sistem ini saling mempengaruhi antara satu sama lain, hakikatnya keduanya telah memberi impak yang besar dalam sejarah tamadun umat Islam dan Barat dengan terbinanya Universiti al-Azhar di Mesir, Masjid al-Aqsa di Palestin, Taj Mahal di India, Pengairan Air Zubaida di Mekah, dan Merton College di Oxford (Razali, 2019).

Menurut Ismail (2020) dan Ab Rahman et al (2024b), pembangunan wakaf di Malaysia boleh dibahagikan kepada empat fasa utama. Fasa pertama adalah sebelum tahun 2005 yang mana pembangunan wakaf ekonomi dilihat melalui perantaraan badan swasta. Fasa kedua pula bermula pada 2006 hingga 2010 yang mana ia menumpukan kepada pembangunan harta tanah bagi bidang keagamaan, kesihatan dan pendidikan melalui kerjasama antara badan kerajaan dan badan swasta. Manakala bagi fasa ketiga, ianya berlangsung pada tahun 2011 hingga tahun 2015. Pada fasa ini, Majlis Agama Islam Negeri telah memulakan kerjasama dengan pihak Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) bagi meneruskan kesinambungan projek Rancangan Malaysia ke-9 (RMK-9). Fasa keempat yang berlangsung pada tahun 2016 hingga sekarang pula membabitkan perancangan pembangunan harta tanah wakaf yang meliputi rangkaian hotel wakaf, penjenamaan semula produk-produk wakaf, pewujudan pendidikan wakaf serta pengukuhan hubungan kerjasama antara agensi-agensi yang berkaitan wakaf di Malaysia.

Dari segi pentadbiran dan tadbir urus wakaf di peringkat pusat, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dan Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) berperanan untuk menyelaraskan dan menyalurkan dana pembangunan wakaf daripada kerajaan pusat kepada kerajaan negeri. Manakala di peringkat negeri, Majlis Agama Islam Negeri bertindak untuk menguruskan wakaf dan berperanan sebagai pemegang amanah tunggal harta wakaf di setiap negeri.

(Ab Rahman et al., 2022). Adapun di Negeri Sembilan, Jabatan Wakaf dan Sumber Am (JWSA), Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) bertanggungjawab menguruskan hal berkaitan wakaf dan harta di Negeri Sembilan. Pelbagai inisiatif dan usaha baik yang telah di lakukan oleh JWSA bagi memproduktifkan wakaf di Negeri Sembilan seperti penganjuran bulan wakaf peringkat Negeri Sembilan, kempen potongan gaji wakaf tunai dan pelancaran kaunter bergerak MAINS.

Menurut statistik yang dikeluarkan di laman web rasmi MAINS (2023), kutipan wakaf tunai yang sudah terkumpul di bawah pelbagai program wakaf sebanyak RM346,955.27 setakat September 2023 yang lalu. Manakala jumlah agihan wakaf yang telah dibuat oleh MAINS setakat September 2023 berjumlah 51,320.00 (MAINS, 2023). Data ini menunjukkan perkembangan yang positif terhadap pengurusan wakaf di Negeri Sembilan. Antara program dan usaha JWSA dalam memperkasakan wakaf di Negeri Sembilan ialah pembayaran wakaf tunai secara dalam talian (FPX), potongan wakaf tunai secara bulanan (*Direct Debit*), Wakaf Negeri Sembilan Muamalat dan Potongan Gaji Wakaf. Keempat-empat jenis bayaran wakaf ini diwujudkan bagi memudahkan masyarakat di Negeri Sembilan untuk menyumbang wakaf melalui institusi yang dipercayai dan cara yang mudah.

Manakala antara projek semasa wakaf yang sedang berjalan pada 2023 ini pula ialah pembinaan Masjid Dato' Syeikh Murtadza di Port Dickson, pembinaan Masjid Al-Karim Kariah Kampung Geduhom Kuala Pilah, pembinaan Masjid Al-Isra' Tunku Besar Tampin, Sekolah Menengah Islam Seremban, pembinaan Maahad Tahfiz Riyadhl Jannah, pembelian van jenazah bagi Penjara Seremban, pembelian karpet bagi Surau Al-Hidayah, Iqed Port Dickson dan pembelian van bagi sekolah SMAHMY, Rembau. Kesemua projek ini menelan kos perbelanjaan mencecah jutaan ringgit dan bagi mencapai target tersebut, MAINS telah membuka peluang kepada orang ramai untuk merebut peluang untuk berwakaf secara dalam talian ataupun di kaunter.

Tambahan itu, antara projek wakaf yang telah siap sempurna dan boleh dimanfaati masyarakat Negeri Sembilan ialah agihan lapan unit mesin hemodialisis di Hospital Tuanku Jaafar, pembelian peralatan perubatan Klinik Pakar Kesihatan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan pembinaan Masjid Taman Politeknik Port Dickson (Portal Rasmi Kerajaan Negeri

Sembilan, 2023). Keseluruhan kos pembinaan yang menelan kos jutaan ringgit ini adalah sepenuhnya melalui kutipan wakaf individu dan orang ramai di bawah kelolaan MAINS. Dapat disimpulkan bahawa dana wakaf yang disumbangkan orang ramai di bawah kelolaan JWSA dan MAINS telah disalurkan kepada empat sektor utama iaitu pendidikan, kesihatan, sosioekonomi dan pengembangan harta wakaf.

4. ANALISA KEBOLEHLAKSANAAN WAKAF MUAQQAT DI NEGERI SEMBILAN

Peruntukan Perundangan Wakaf Semasa

Negeri Sembilan merupakan negeri yang memandang serius dengan pengurusan wakaf. Ini dibuktikan dengan wujudnya enakmen khas tentang wakaf yang telah dijadikan panduan dalam pengurusan harta wakaf bagi menggantikan undang-undang dan peruntukan sebelum ini yang merujuk kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003, yang mana hanya terdapat tujuh seksyen yang diperuntukkan bagi wakaf dalam enakmen tersebut, antaranya: Seksyen 89: Majlis menjadi pemegang amanah tunggal wakaf, nazr dan amanah, Seksyen 90: Perletakan harta wakaf, nazr dan amanah pada Majlis, Seksyen 91: Sekatan bagi pewujudan amanah khairat, Seksyen 92: Pendapatan daripada wakaf dan nazr, Seksyen 93: Modal wakaf dan nazr, Seksyen 94: Pengertian surat cara tentang wakaf atau nazr, Seksyen 95: Penyiaran senarai harta wakaf, nazr dan amanah.

Bagi memastikan sistem urus tadbir harta wakaf di Negeri Sembilan berjalan lebih efisien dan cekap, kerajaan negeri telah menggubal satu enakmen khas yang memperuntukkan 60 seksyen khas berkaitan wakaf dan pengurusannya di Negeri Sembilan. Ringkasnya, di dalam Enakmen Wakaf(Negeri Sembilan) 2005, tiada sebutan jelas yang dapat dirujuk kepada wakaf bertempoh. Maka, di dalam kajian ini pengkaji ingin membuat analisis sama ada adakah pada hakikatnya Negeri Sembilan telah mengamalkan konsep wakaf bertempoh dengan tidak sengaja ataupun tiada lagi konsep wakaf bertempoh di dalam pengamalan wakaf. (Ab Rahman & Amanullah, 2017b).

Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005 telah digubal pada tahun 2005 semasa pemerintahan Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku

Ja'afar Ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman dan pentadbiran Menteri Besar ketika itu, YAB Dato' Seri Utama Hj. Mohamad bin Hj. Hasan (Menteri Besar Negeri Sembilan ke-7). Enakmen ini juga telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan pada 5 April 2005, 16 Ogos 2005 dan 30 November 2005. Walaupun sudah siap digubal sejak tahun 2005 lagi, akan tetapi ianya hanya dapat dikuatkuasakan di Negeri Sembilan bertarikh 1 Jun 2012.

Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005 terbahagi kepada 12 bahagian dan 60 seksyen. Bahagian 1 (Permulaan) mempunyai 4 seksyen. Bahagian ini membicarakan tentang pengertian dan maksud bagi istilah tertentu dalam pengurusan wakaf seperti erti wakaf, *mauquf*, harta, skim wakaf dan lain-lain. Pengkaji tidak menjumpai sebarang pengertian tentang *sighah* wakaf sama ada boleh dibuat secara bertempoh atau tidak. Akan tetapi ada disebut dalam bahagian ini, bahawa sebarang perkara berkaitan wakaf yang tidak dicatat dalam enakmen ini dan persoalan wakaf yang belum muktamad atau boleh menimbulkan kontroversi boleh diperpanjangkan kepada Jawatankuasa Fatwa. Maka pengkaji menyarankan agar persoalan tentang wakaf bertempoh ini boleh dibawa masuk ke dalam Jawatankuasa Fatwa supaya boleh dinilai dan diwartakan ke dalam enakmen sekiranya mematuhi piawaian yang ditetapkan.

Bahagian 2 (Majlis Sebagai Pemegang Amanah Tunggal) mempunyai 5 seksyen. Bahagian ini telah menetapkan bahawa segala pengurusan harta wakaf di Negeri Sembilan mestilah di bawah pengurusan Majlis. Jika dibandingkan keadaan sekarang, Majlis di sini merujuk kepada Jabatan Wakaf dan Sumber Asli (JWSA), Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS). Maka, jika wakaf bertempoh sudah diwarta pada satu masa nanti, ianya mestilah tertakluk di bawah pengurusan JWSA dari segi pendaftaran *mauquf*, pemindahan, penyerahan dan sebagainya.

Bahagian 3 (Tanggungjawab Majlis) mempunyai 8 seksyen. Bahagian ini membahaskan tentang tanggungjawab Majlis sebagai pemegang amanah tunggal. Selain itu, bahagian ini juga membicarakan tentang wakaf khas dan *istibdal mauquf* berdasarkan keadaan-keadaan tertentu. Diantara keadaan yang dibolehkan *istibdal* menurut enakmen ini ialah ketikamana syarat *waqif* tidak dapat dilaksanakan atau penerima wakaf (*mauquf 'alaiah*) sudah tidak boleh memerima manfaat daripada *mauquf* itu sendiri. Maka, pengkaji dapat

melihat disini adanya satu lagi kaedah yang boleh diperkenalkan oleh Majlis bagi memastikan harta wakaf boleh memberi manfaat disamping tidak perlu melakukan proses *istibdal* yang memerlukan proses yang panjang, iaitu wakaf bertempoh dimana sekiranya sesuatu harta wakaf itu tidak boleh dilaksanakan atas sebab tertentu, maka harta wakaf itu boleh diserahkan semula kepada *waqif* untuk membuat kebajikan lain sesuai dengan kehendak dan keperluan *waqif*.

Bahagian 4 (Pendaftar Wakaf) mempunyai 3 seksyen. Bahagian ini menyatakan pendaftar wakaf bertanggungjawab menguruskan dan mendokumentasikan yang berkaitan dengan *mauquf* yang terletak bawah hak Majlis. Jika dikaitkan dengan wakaf bertempoh, pendaftar wakaf yang akan menjadi pemudahcara dan perunding bagi memperkenalkan konsep wakaf bertempoh kepada bakal pewakaf yang datang ke MAINS dengan tujuan wakaf.

Bahagian 5 (Panel Penasihat Pengurusan Wakaf) juga mempunyai 3 seksyen. Bahagian ini menerangkan keperluan dan fungsi panel penasihat pengurusan wakaf yang terdiri daripada mufti, ahli Majlis, ahli Jawatankuua Fatwa, pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) dan beberapa anggota lain. Antara fungsi panel penasihat ini adalah menggubal dasar wakaf dan menasihati serta memantau pengurusan wakaf di Negeri Sembilan. Sekiranya wakaf bertempoh dilihat dapat memberi impak yang positif kepada perwakafan di Negeri Sembilan, maka panel penasihat akan menubuhkan satu jawatankuasa dan bermesyuarat bagi menggubal dasar wakaf bertempoh seterusnya mengesyorkan kepada Majlis untuk melaksanakan.

Bahagian 6 (Kumpulan Wang Wakaf) mempunyai 7 seksyen. Kumpulan wang wakaf disini merujuk kepada semua *mauquf*, hasil daripada *istibdal*, semua hasil skim wakaf dan sumbangan wakaf yang diletakkan bawah Majlis. Panel penasihat kumpulan wang wakaf ini bertanggungjawab bagi mengurus dan memeliharanya seiring dengan kehendak syarak. Sekiranya wakaf bertempoh diwartakan dalam pengamalan wakaf di Negeri Sembilan, pastinya ia akan menambahkan lagi hasil dalam kumpulan wang wakaf ini. Semua kehendak bakal pewakaf akan ditunaikan sesuai dengan tempoh masa yang dikehendaki pewakaf. Selain itu, semua kos pengurusan penerimaan dan pemulangan wakaf bertempoh adalah dibawah tanggungjawab Majlis dengan menggunakan dana daripada kumpulan wang wakaf ini. Perkara

ini akan menarik pewakaf lain untuk berwakaf secara bertempoh di bawah pengurusan Majlis yang dipercayai untuk menguruskan harta wakaf dengan telus kerana adanya enakmen khas dan pantauan dari panel penasihat.

Bahagian 7 (Pengurusan Wakaf) mempunyai 4 seksyen. Bahagian ini menyatakan bahawa penerima wakaf tidak punya kuasa mutlak dalam menguruskan harta wakaf yang diterima melainkan dilantik oleh Majlis dan semua harta yang diwakafkan adalah di bawah tanggungjawab Majlis termasuklah sekiranya harta itu rosak, musnah dan kerugian. Kelebihan ini dipercayai dapat menarik minat pewakaf untuk berwakaf secara bertempoh dibawah Majlis kerana segala kos dan cas dari segi dokumentasi, guaman dan pengurusan adalah di bawah tanggungjawab Majlis atau wakilnya yang dilantik. Maka, pewakaf hanya perlu mewakafkan harta mereka dan menetapkan apakah kehendak dan tempoh berwakaf yang dikehendakinya kepada Majlis.

Bahagian 8 (Kesalahan-kesalahan dan Penalti) mempunyai 8 seksyen. Bahagian ini menerangkan bahawa segala salah laku yang dilakukan oleh penerima wakaf atau wujud kesalahan dalam menguruskan harta wakaf itu boleh dikenakan tindakan denda tidak lebih RM5000 dan penjara kurang tiga tahun jika disabitkan bersalah. Perkara ini merupakan bukti ketegasan dan komitmen dari Majlis dalam memelihara harta wakaf yang telah diamanahkan supaya tidak berlakunya penyelewengan harta wakaf. Sekiranya wakaf bertempoh diwartakan, apabila penerima wakaf tidak mahu mengembalikannya setelah tamat tempoh atau terdapat kerosakan pada harta wakaf yang dilakukan penerima wakaf, ianya boleh dikenakan tindakan undang-undang oleh pihak Majlis.

Bahagian 9 (Penguatkuasaan dan Penyiasatan) mempunyai 7 seksyen. Bahagian ini menyatakan bahawa Majlis mempunyai kuasa untuk menyiasat sekiranya terdapat laporan dan dakwaan berkenaan salah laku harta wakaf dan pengurusannya dengan melantik pegawai khas bagi melakukan siasatan. Maka, sesiapa yang menghalang tugas pegawai ataupun tidak memberi kerjasama boleh disabitkan melakukan kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi RM1,000 atau dipenjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Bahagian 10 (Peruntukan Am) mempunyai 4 seksyen. Bahagian ini menerangkan pengisytiharan harta wakaf oleh Majlis dan Majlis diberi kuasa untuk menetapkan segala tatacara pendaftaran termasuk borang-borang dan perkara berkaitan sekiranya terdapat suatu skim wakaf baharu yang diwartakan dalam enakmen ini. Proses ini juga akan dilalui sekiranya wakaf bertempoh diwartakan dalam Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005 ini.

Bahagian 11 (Peruntukan Peralihan) mempunyai 6 seksyen. Pada bahagian ini, segala *mauquf* yang didaftarkan dengan Majlis sebelum penguatkuasaan enakmen ini hendaklah didaftarkan semula dan setelah itu Majlis mempunyai kuasa mutlak dalam menguruskan harta wakaf tersebut dan menjalankan amanah pewakaf seperti yang dipersetujui. Sekiranya pewakaf tidak sempat mendaftarkan semula harta mereka setelah dikuatkuasakan enakmen ini kerana mati atau tidak ditemui, maka Majlis hendaklah memohon kepada mahkamah untuk mendaftarkan harta tersebut. Adapun segala bentuk wakaf yang telah sah sebelum adanya enakmen ini kekal sah dan boleh diteruskan.

Bahagian 12 (Pelbagai) hanya mempunyai 1 seksyen sahaja. Bahagian akhir ini menerangkan segala tindakan Majlis dan perlantikan orang yang terlibat dalam pewartaan enakmen ini serta perbelanjaannya adalah dibawah kuasa dan kendalian Majlis. Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005 telah ditutup dengan didatangkan Jadual Pertama (Bentuk Skrip Bahasa Arab Bagi Perkataan dan Ungkapan Tertentu) dan Jadual Kedua (Panel Penasihat Pengurusan Wakaf).

Berdasarkan perkara ini, pembangunan wakaf di Negeri Sembilan khasnya memerlukan suatu penambahbaikan dari sudut urus tadbir, struktur organisasi, pengurusan profesional, agihan manfaat wakaf dan perundangan wakaf sedia ada yang mana boleh ditambahbaik dengan mengaplikasikan konsep wakaf bertempoh.

Analisa Prospek Pengaplikasian Wakaf Bertempoh di Negeri Sembilan

Berdasarkan analisis terhadap Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005, para pengkaji tidak menjumpai peruntukan yang menyebut secara jelas berkenaan wakaf bertempoh. Selain itu, pengkaji juga tidak menemui sebarang program atau produk dari Jabatan Wakaf dan Sumber Am (JWSA), MAINS yang

berkaitan wakaf bertempoh atau wakaf yang boleh dihadkan dengan tempoh tertentu.

Namun begitu, pengkaji mendapati JWSA telah memberi pilihan kepada masyarakat Negeri Sembilan sama ada ingin melakukan wakaf am atau wakaf khas. Merujuk kepada wakaf am, hal ini dibuktikan dengan konsep yang terdapat di dalam program Dana Wakaf Negeri Sembilan Muamalat. Program ini adalah usaha sama Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) yang bertindak sebagai Ejen Kutipan bersama dengan MAINS dalam menguruskan dana wakaf yang terkumpul. Nilai minimum untuk berwakaf di bawah program ini adalah serendah RM10 sahaja.

Merujuk kepada wakaf khas, ianya telah diaplikasikan di bawah program Wakaf Tunai dan Potongan Gaji Wakaf Tunai. Kedua-dua program ini berfungsi apabila terdapat pewakaf yang tidak mempunyai harta yang bersifat tak alih dan kekal seperti tanah, rumah dan kebun akan tetapi berhasrat untuk berwakaf. Maka, pewakaf boleh berwakaf dengan wang tunai dengan kadar RM10 sahaja. Apabila hasil wakaf daripada program Wakaf Tunai dan Potongan Gaji Wakaf Tunai telah mencapai suatu jumlah yang cukup untuk membeli atau membina aset kekal, maka pewakaf akan mendapat pahala wakaf yang berterusan selagi mana harta wakaf tersebut wujud dan memberi manfaat kepada umat Islam.

Tindakan ini akan menimbulkan persoalan adakah pewakaf akan mendapat pahala sepanjang proses pengumpulan hasil wakaf berlangsung atau sepanjang proses pembinaan bangunan wakaf?. Bagaimana pula jika hasil kumpulan Wakaf Tunai tidak mencapai nilai yang membolehkan membeli atau membina binaan wakaf?. Bagi menjawab kepada persoalan-persoalan ini, Wakaf Tunai telah difatwakan harus menurut Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-77 yang bersidang pada 10-12 April 2007 di Kuala Terengganu dengan sighah “Berwakaf dalam bentuk yang tunai adalah dibolehkan di dalam Islam”. Hasilnya, kedua-dua program ini telah diperakui oleh pihak berautoriti di Negeri Sembilan termasuk Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan dan Majlis Agam Islam Negeri Sembilan (MAINS) untuk dipraktikkan dan diamalkan sesuai dengan fatwa yang dikeluarkan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia.

Justeru, terdapat persamaan antara wakaf tunai dan wakaf bertempoh pada pandangan pengkaji dimana kedua-dua jenis wakaf ini adalah suatu perkara yang baharu dan tidak dibenarkan menurut ulama terdahulu disebabkan tidak memenuhi syarat-syarat yang tertentu di dalam perbahasan wakaf. Misalnya wakaf tunai juga tidak dibenarkan oleh ulama fiqh klasik dari mazhab Syafii, kerana tidak memenuhi syarat harta wakaf (*mauquf*) iaitu suatu harta yang kekal manfaatnya.


Namun dengan bantuan jabatan fatwa dan sarjana Islam kini, banyak fatwa-fatwa baharu yang boleh dikeluarkan sesuai dengan keperluan umat Islam dari semasa ke semasa. Oleh yang demikian, pengkaji beranggapan bahawa wakaf bertempoh juga boleh dilaksanakan dan dibenarkan di Negeri Sembilan agar masyarakat boleh berwakaf mengikut kehendak dan ketetapan masa tersendiri dengan mengikuti prosedur dan syarat yang ditetapkan oleh JWSA dan Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan.

Cadangan Model Wakaf Tunai Bertempoh di Negeri Sembilan

Model ini melibatkan aset/harta wakaf yang tidak kekal seperti tunai, saham dan seumpamanya. Model ini terlaksana dengan pewakaf menyerahkan hartanya secara kekal kepada pihak Majlis, dan pihak penerima manfaat yang akan menerima manfaat wakaf ini secara bertempoh.

Pihak Majlis sebagai pemegang amanah yang akan mengumpulkan harta wakaf berupa wang dan sebagainya di dalam (Tabung Dana Wakaf). Manakala, penerima wakaf bagi model ini terdiri daripada peniaga dan usahawan kecil yang memerlukan pinjaman wang sebagai modal bagi mengembangkan perniagaan mereka. Setelah tamat tempoh yang ditetapkan, para penerima wakaf ini akan mengembalikan semula wang kepada pihak Majlis sama ada secara hutang atau tunai.

Gambar Rajah 1. Model Wakaf Tunai Bertempoh di Negeri Sembilan



Sumber: Hasil analisa pengkaji

Berikut adalah penerangan Model secara terperinci bagi langkah-langkah yang perlu dilakukan seorang pewakaf bertempoh bermula daripada perjumpaan dengan pegawai Majlis sehingga pemulangan semula harta wakaf kepada pewakaf.

Jadual 1. Penerangan Model Wakaf Tunai Bertempoh di Negeri Sembilan

Langkah	Keterangan
Langkah 1	Pewakaf yang mempunyai harta alih (wang, saham dan seumpamanya) & pemilikan penuh ke atas aset tersebut.
Langkah 2	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pewakaf pergi ke pejabat MAINS/ <i>Mutawalli</i> sah yang dilantik untuk berwakaf. 2. Pewakaf berkonsultasi bersama pegawai MAINS/ <i>Mutawalli</i>. 3. Kontrak wakaf bertempoh dipilih dan pendaftaran harta dibuat. <ol style="list-style-type: none"> a. Pewakaf perlu mengisi Borang 2 (Borang Permohonan Wakaf Bertempoh (Harta & Aset Alih) b. Pewakaf perlu sediakan: <ol style="list-style-type: none"> i. Salinan kad pengenalan; ii. Surat akuan bagi menyatakan harta tersebut merupakan hak milik pemohon; iii. Lain-lain keterangan jika berkaitan.
Langkah 3	Harta wakaf dipindah milik kepada MAINS secara kekal.
Langkah 4	Harta wakaf dimasukkan ke dalam Tabung Dana Wakaf Usahawan.
Langkah 5	<ol style="list-style-type: none"> a. Kontrak dan proses dokumentasi dibuat. b. Penerima wakaf (usahawan dan peniaga kecil) menerima manfaat dalam bentuk pinjaman wang tanpa faedah sebagai modal perniagaan (<i>Qard al-Hassan</i>)
Langkah 6	Pinjaman wang dikembalikan semula kepada MAINS. <ol style="list-style-type: none"> a. Tempoh ditetapkan b. Kaedah pemulangan

5. KESIMPULAN

Wakaf bertempoh dipercayai memiliki prospek dari sudut keanjalan untuk dibangunkan. Elemen ‘bertempoh’ yang membolehkan aset/harta wakaf ditukar jenis atau dipulangkan kepada pewakaf dipercayai boleh menarik lebih ramai pewakaf. Justeru adalah wajar bagi Negeri Sembilan turut menambil langkah proaktif bagi memastikan pengurusan harta wakaf dan perlaksanaannya adalah didasari dengan enakmen dan tatacara khas berkaitan wakaf bertempoh. Wakaf bertempoh terbukti telah membawa banyak *maslahah* dan kebaikan kepada masyarakat, akan tetapi disebabkan ketiadaan peruntukan khas, model wakaf bertempoh dan parameter pelaksanaan dilihat sebagai penghalang kepada pembangunannya dengan lebih meluas.

Justeru, kajian lanjutan penyelidikan wakaf bertempoh pada masa hadapan amatlah disarankan, ia membuka ruang inovasi kepada pihak MAIN, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Yayasan Waqaf Malaysia (YWM), serta institusi wakaf untuk memikir pendekatan terbaik bagi mengurus dan mentadbir harta-harta wakaf ini menerusi pendekatan wakaf bertempoh agar dapat dioptimalkan sebagai sumber dana alternatif di Malaysia. Dicadangkan agar meneliti:

- i. Mengkaji Model komprehensif Wakaf Tunai Bertempoh, merangkumi; a) pentafsiran sebenar wakaf bertempoh, b) pengistiharan (*sighah*) wakaf bertempoh, c) jenis-jenis wakaf bertempoh, d) harta wakaf yang dibenarkan bertempoh dan pengecualianya, e) tempoh masa yang dibenarkan, f) kaedah pemberhentian wakaf bertempoh, dan g) pemilikan harta wakaf bertempoh.
- ii. Menganalisa jurang dan tambahbaik Undang-Undang yang sedia ada agar Wakaf Bertempoh mampu dilaksanakan.
- iii. Menilai risiko-risiko yang ada terutamanya dalam aspek kewangan dan ruang jaminan harta wakaf dan pengembalian aset.
- iv. Meneroka kesesuaian Wakaf Tunai Muaqqaat dalam sistem Perakaunan Wakaf semasa, menerusi Piawaian Perakaunan Islam bagi Baitulmal, Zakat dan Wakaf (PPIBZW), Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).

- v. Melihat potensi pelepasan cukai Wakaf Tunai oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) dan mencari titik penambahbaikan serta ruang alternatif bersesuaian.

6. PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) kerana telah menaja kajian ini melalui projek Geran Penyelidikan Industri, bertajuk “Model Tadbir Urus Wakaf Tunai Bertempoh Di Malaysia”, Kod penyelidikan USIM/YWM/FSU/LUAR-S/41725.

7. RUJUKAN

- Ab Rahman, M.F. & Amanullah, M. (2016a). The Implementation of Temporary Endowment in Kuwait. *Al-Jamiah: Journal of Islamic Studies* 52 (2): 477-503. <https://doi.org/10.14421/ajis.2016.542.477-503>
- Ab Rahman, M.F. & Amanullah, M. (2016b). Ta'bid al-Waqf wa Taqituhu fi Wilayat Mukhtarah fi Malaysia. *Studia Islamika* 23 (3): 561-596. <https://doi.org/10.15408/sdi.v23i3.3592>
- Ab Rahman, M.F. & Amanullah, M. (2017a). The Nature of Temporary Waqf, Its Ruling and Public Interest. *Global Journal at-Thaqafah* 7 (2): 175-187. <https://doi.org/10.7187/GJAT122017-11>
- Ab Rahman, M.F. & Amanullah, M. (2017b). Challenges and Problems Facing the Application of Temporary Waqf in the Selected States of Malaysia: New Issues and their Guiding Rules. *Journal of King Abdulaziz University: Islamic Economics* 30 (3): 291- 314. <https://doi.org/10.4197/IslE.30-3.12>
- Ab Rahman, M.F., Abdullah Thaidi, H.‘., Hamdan, M.N. & Ab Rahim, S.F.(2022). Selling The Waqf Property: An Analytical Study in the Light of Waqf Legislation in Malaysia. *Ahkam: Jurnal Ilmu Syariah* 22(2): 473-498.
- Ab Rahman, M.F. (2024a). *Al-Waqaf Wal Muaqqat: Haqiqatuhu Wa Imkaniatuhu Fi Dau' Takamul An-Naqli Wal Aqli*. Nilai: Penerbit USIM.
- Ab Rahman, M.F., Abdullah Thaidi, H.‘., Mohamad Suhaimi, F. & Ab Rahim, S.F. (2024b). Proposed temporary waqf model for family waqf implementation in Malaysia. *Journal of Islamic Accounting and Business Research* 15 (1): 56-78. <https://doi.org/10.1108/JIABR-04-2022-0098>
- Abu Zahrah, Muhammad (2007). *Wakaf Menurut Agama dan Undang-undang*. Selangor: Berlian Publications Sdn Bhd.
- Al-Baijuri, Ibrahim bin Muhammad bin Ahmad (2015). *Hasyiah As-Syeikh Ibrahim Al-Baijuri 'ala Syarhi Ibn Qasim Al-Ghazi 'ala Matan Abi Syuja'*. Terengganu: Dar Omar al-Mokhtar.
- Al-Fairuzabadi (2005). *al-Qamus al-Muhit*. Beirut: Ar-Risalah.
- Al-Jurjani, Ali bin Muhammad bin Ali Al-Zain. (1983). *Kitab al-Ta'rifat*. Beirut: Darul Kutub Al-Ilmiyah.
- Al-Khatib Al-Syirbini (1994). *Mughni al-Muhtaj Ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Al-Qalyubi dan Umairah. (2009). *Hasyiah Qalyubi wa 'Umairah 'ala Syarhi al-Mahalli 'ala Minhaj al-Talibin*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.

- Al-Zuhaily, Wahbah Mustafa. (2011). *Fiqh Islam Wa Adillatuhu (Hak-Hak Anak, Wasiat, Wakaf dan Warisan)*. Jakarta: Darul Fikir.
- An-Nawawi, Muhyiddin Abu Zakaria Yahya bin Syaraf. (2011). *Minhaj al-Talibin wa 'Umdah al-Muftin*. Beirut: Dar al-Minhaj.
- As-Suyuti, Abdul-Rahman bin Kamal al-Din Abi Bakr bin Muhammad bin Sabiq al-Din. (1983). *Al-Asybah wal Nazhair*. Kaherah: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005.
- Ibn Qudamah, Abdullah bin Ahmad bin Muhammad bin (1969). *Al-Mughni li Ibni Qudamah*. Kaherah: Maktabah Kaherah.
- Ibnu Hajar al-Haitami, Ahmad bin Muhammad bin Ali bin Hajar. (1983). *Tuhfah al-Muhtaj fi Syarhi al-Minhaj*. Mesir: Maktabah al-Tijariah al-Kubra.
- Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS). (2023). Didapati pada 22 September 2023. <https://www.mains.gov.my/v2/wakaf/perkhidmatan-wakaf>
- Mustafa Khin, Mustafa Dib al-Bugha, Ali al-Syarbaji. (2011). *Fiqh al-Manhaji 'ala Mazahib al-Imam as-Syafii*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Portal Rasmi Kerajaan Negeri Sembilan. (2023). Didapati pada 24 September 2023. https://www.ns.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=496
- Sulaiman, S., Hasan, A., Mahamood, S.M. & Sulaiman, A.A. (2021). *Transformasi Pembangunan Hartanah Wakaf Menerusi Dana Amanah Hartanah Islam*. Nilai: Penerbit USIM.